

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

UTHM/PP/00-6/5/1 (**64**)

9 Ogos 2011

PEKELILING AM BIL. 55 TAHUN 2011

LARANGAN MENJALANKAN AKTIVITI AIR DI KOLAM DAN SISTEM SALIRAN DALAM KAWASAN KAMPUS

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pengurusan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Bil. 2 Tahun 2011 bersetuju untuk menguatkuasakan **Kawasan Larangan Terhadap Kolam Takungan Dan Tadahan Air Serta Saliran Di Dalam Kawasan Kampus** daripada sebarang aktiviti air seperti aktiviti menangkap ikan dengan semua kaedah, aktiviti sukan air, riadah dan sebagainya.

2. Kawalan ini dilaksanakan bagi mempertingkatkan tahap keselamatan yang perlu dipatuhi oleh semua orang/pejabat berhubung dengan penggunaan kawasan berkenaan.

3. Pusat Tanggungjawab yang bercadang untuk menggunakan kawasan kolam sebagai sebahagian daripada aktiviti rasmi hendaklah mendapatkan kelulusan daripada Bahagian Keselamatan dengan mengisi **Borang Permohonan Kebenaran Penggunaan Kawasan Kolam/Tasik (UTHM)** sepetimana dilampirkan.

4. Diharapkan semua staf dapat memberikan kerjasama sepenuhnya bagi menjayakan **Peraturan Kawasan Larangan** demi mengekalkan imej, kesejahteraan dan keselamatan warga Universiti.

Sekian untuk makluman dan perhatian Y.Bhg.Prof.Dato'/Prof./Tuan/Puan.

Terima kasih.

"DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA"

Yang benar,

SULAM BIN HAMID

Pendaftar

07-4537100

- s.k - *Y.Bhg. Dato' Naib Canselor*
- *Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)*
- *Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)*
- *Penolong-Penolong Naib Canselor*
- *Dekan-Dekan Fakulti*
- *Pengarah-Pengarah Pejabat/Pusat*
- *Ketua-ketua Pejabat/Pusat/Unit*



**PERMOHONAN MENGGUNAKAN TASIK
DI KAWASAN
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

(Sila Tanda (x) Pada Petak Yang Berkenaan)

TASIK INOVASI (G7)

TASIK KEMAJUAN(G3)

TASIK TEKNOLOGI (FPTV)

TASIK PEMBANGUNAN (PPH)

(Sila nyatakan nama tasik)

Nama Pemohon : _____ No Staf/Pelajar : _____

Fakulti/Pusat/PTJ: _____

No. Tel. (Pejabat): _____ No. Tel. Bimbit : _____

Tarikh : _____ Hingga : _____

Masa : _____ (Pagi/Petang) Hingga : _____ (Pagi/Petang)

Jumlah Peserta : _____ (L) _____ (P) * *Sila senarai nama individu yang terlibat **

Tujuan Penggunaan : _____

Pegawai/Ketua yang bertanggungjawab terhadap acara/majlis/aktiviti :

Nama : _____ No. Tel. : _____

Saya telah membaca Peraturan dan Keselamatan Penggunaan Kolam / Tasik Dalam Kawasan Kampus dan faham akan isi kandungannya. Saya berjanji akan mematuhi Peraturan dan akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang kemalangan atau kejadian yang berlaku. Pihak Universiti tidak akan dipersalahkan dan dipertanggungjawabkan terhadap sebarang kejadian / kemalangan / kecederaan / kehilangan jiwa akibat kecuaian / kegagalan mematuhi Peraturan Keselamatan.

(UNTUK KEGUNAAN PEJABAT/ BAHAGIAN KESELAMATAN)

Permohonan Diluluskan / Tidak Diluluskan

Tarikh : _____

**(Tandatangan / Cop Rasmi)
Pengarah Bahagian Keselamatan**

- Borang ini hendaklah dikemukakan ke Bahagian Keselamatan dalam masa 3 hari sebelum aktiviti dilaksanakan.
- Pengesahan adalah Penasihat Program jika melibatkan permohonan pelajar.
- Kebersihan kawasan adalah tanggungjawab pemohon.



**PERATURAN DAN KESELAMATAN PENGGUNAAN
KOLAM / TASIK DALAM KAWASAN KAMPUS
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

1. Sebarang aktiviti air yang akan dijalankan di semua kolam / tasik tадahan, parit, sungai dalam kawasan kampus hendaklah mendapat kebenaran daripada Pengarah Bahagian Keselamatan.
2. Semua permohonan hendaklah dibuat selewat – lewatnya 3 hari sebelum tarikh penggunaan.
3. Penganjur hendaklah merancang dan memastikan perjalanan aktiviti mematuhi aspek keselamatan yang diperlukan.
4. Arahan Keselamatan yang lengkap hendaklah disediakan dan dimaklumkan kepada semua peserta yang mengambil bahagian dalam aktiviti yang dijalankan.
5. Pemakaian alat menyelamat atau bantuan menyelamat hendaklah dirancang dan dikuatkuasakan oleh penganjur.
6. Penganjur dikehendaki mengambil semua langkah – langkah keselamatan yang perlu bagi memastikan keselamatan peserta.
7. Staf dari Bahagian Keselamatan berhak menghalang aktiviti yang merbahaya atau gagal mematuhi Arahan Keselamatan.
8. Pengawas Keselamatan hendaklah dilantik dan sentiasa membuat perhatian kepada aktiviti yang dijalankan.
9. Pengguna hendaklah memastikan keadaan tasik dan fasiliti yang digunakan berada dalam keadaan bersih sebelum, semasa dan selepas digunakan.
10. Pengguna hendaklah berpakaian sopan dan tidak menjolok mata sepanjang berada di kawasan tasik.
11. Hanya pengguna yang berdaftar dengan penganjur sahaja dibenarkan berada di sekitar kawasan tasik.
12. Pengguna tidak dibenarkan memakai kasut dan pakaian yang berat serta sendat yang menyukarkan pergerakan badan.
13. Pengguna diwajibkan memakai jaket keselamatan sepanjang masa berada di kawasan kolam / tasik.
14. Sebuah bot / sampan hendaklah sentiasa berada di air bagi tujuan menyelamat.
15. Setiap pergerakan ke dalam air hendaklah mendapat kebenaran daripada penganjur / jurulatih terlebih dahulu.
16. Setiap pengguna perlu ada wisel untuk digunakan sekirannya berlaku kecemasan.
17. Keadaan kesihatan pengguna hendaklah diberi penekanan dan berada dalam keadaan sihat bagi menjalankan aktiviti di air.